

**MPPP Digesa Bebas Dari Dipengaruhi Tekanan DAP
Bernama
10 Ogos, 2012**

GEORGE TOWN, 10 Ogos (Bernama) -- Wanita MCA Pulau Pinang mendesak Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) agar memberi perkhidmatan secara bebas tanpa dipengaruhi tekanan secara halus daripada DAP.

Pengerusinya, Tan Cheng Liang berkata keputusan MPPP yang enggan memberi komen lanjut berhubung pembangunan lereng bukit di pulau itu mencerminkan arahan tipikal tutup mulut yang diamalkan DAP.

Menurut laporan, MPPP mulai sekarang, tidak akan membuat sebarang kenyataan berhubung kes-kes yang difailkan di Lembaga Rayuan.

Dalam kenyataan di sini Jumaat, Tan mendesak MPPP supaya memenuhi gesaan Barisan Nasional negeri agar ikhlas dan tidak selektif mendedahkan atau menyembunyikan fakta berhubung pembangunan di lereng bukit, demi ketelusan.

MPPP juga patut bertemu penduduk yang terjejas akibat daripada pencerobohan di bukit itu dan mendengar rintihan mereka, katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=687387>